

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA  
PERSATUAN BOLA SEPAK KEDAH DARUL AMAN (KFA) & PROGRAM  
PEMBANGUNAN BOLA SEPAK NEGARA (PPBN)**

YANG AMAT BERHORMAT DATO SERI AHMAD BASHAH MD HANIPAH, MENTERI  
BESAR KEDAH YANG JUGA MERANGKAP PRESIDEN KFA

YANG BERBAHAGIA DATO LOKMAN HAKIM, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN  
BELIA DAN SUKAN

YANG BERBAHAGIA DATO HAJI AHMAD SHAPAWI ISMAIL, KETUA PENGARAH MAJLIS  
SUKAN NEGARA

YANG HORMAT DATO HAMIDIN MOHD AMIN, SETIAUSAHA AGUNG PERSATUAN  
BOLASEPAK MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA DATO PADUKA HAJI SYED UNAN MASHRI BIN SYED ABDULLAH,  
TIMBALAN PRESIDEN KFA

YANG BERHORMAT DATO AMINUDDIN BIN OMAR, SETIAUSAHA KEHORMAT KFA

YANG BERUSAHA DR MEHANDER SINGH, PENGARAH BAHAGIAN SUKAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

AHLI-AHLI EXCO KFA, PENGURUSAN KBS DAN MSN, WAKIL-WAKIL MEDIA,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

1. Hari ini bakal tercatat satu lagi sejarah penting dalam perkembangan bola sepak negara khususnya di negeri Kedah. Kita semua sedia maklum, untuk bersaing sebagai sebuah pasukan profesional dalam era bola sepak moden, pasukan tersebut perlu mempunyai struktur pembangunan yang berupaya melatih dan menyediakan bakat-bakat muda di bandar atau daerah atau negeri di mana pasukan itu berada.
2. Kita tidak nafikan bahawa sudah wujud kelab-kelab atau akademi komuniti berbayar di seluruh pelusuk tanahair, tetapi kebanyakan akademi-akademi ini hanya merupakan 'weekend academy' yang juga mempunyai fungsi penting dalam memberi latihan asas kepada bakat-bakat muda di peringkat awal.
3. Ketika kementerian menjalankan kajian sebelum melancarkan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara pada tahun 2014, kelompongan ketara di negeri-negeri adalah ketiadaan akademi-akademi elit yang dijuarai oleh *Football Association* atau *Football Club* yang bersaing dalam Liga Malaysia. Situasi tersebut adalah salah satu penyebab

kenapa PPBN atau NFDP diadakan bagi membantu memastikan bakat-bakat terpilih di daerah dan negeri mempunyai program latihan yang lebih tersusun.

4. Setakat ini NFDP mempunyai hampir 20,000 pemain dari umur 7 ke 17 tahun yang berlatih di 123 pusat-pusat latihan di seluruh Malaysia. Di Kedah sahaja NFDP beroperasi di 3 Akademi Tunas , 4 Pusat Latihan Daerah dan di Sekolah Sukan Negeri Kedah.
5. Semenjak tahun 2015, NFDP telah pun menawarkan sebarang bentuk kerjasama dengan persatuan-persatuan bola sepak negeri dan kelab yang bernaung di bawah FAM untuk menyelaraskan semua inisiatif pembangunan bola sepak di negeri masing-masing. Saya amat gembira hari ini kerana Persatuan Bola Sepak Kedah di bawah naungan Presiden YAB Dato Seri Ahmad Bashah bukan sahaja menjadi persatuan yang pertama menyahut tawaran ini...malah telah meletakkan nama seorang legenda pembangunan bola sepak negeri Kedah Darul Aman di tempat yang sepatutnya.
6. Peminat-peminat bolasepak tempatan amat maklum bahawa peranan dan jasa Allahyarham Dato Ahmad Basri Mohd Akil adalah cukup besar bukan sahaja di Kedah, malah di persada bola sepak negara. Akademi Hijau Kuning adalah salah satu inisiatif Allahyarham suatu ketika dahulu yang begitu mementingkan pembangunan jangka panjang untuk menempah kejayaan.
7. Semoga dengan kerjasama ini, bakat-bakat muda di Kedah akan mendapat manfaat yang besar dan seterusnya akan menjamin kesinambungan kejayaan pasukan bola sepak Lang Merah di masa-masa yang akan datang.
8. Ucapan terima kasih saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan kepada YAB Dato Seri Ahmad Bashah di atas keperihatinan dan kesungguhan YAB Dato Seri dalam merealisasikan kerjasama bersejarah ini.
9. Untuk makluman semua, NFDP juga sedang berbincang dengan beberapa pihak lain seperti JDT, Persatuan Bola Sepak Selangor dan Persatuan Bola Sepak Angkatan Tentera Malaysia untuk menjalinkan hubungan kerjasama strategik.
10. Akhir sekali, adalah menjadi harapan saya, kerjasama ini akan membawa makna besar dalam usaha kita untuk meningkatkan kualiti pemain-pemain kebangsaan dan seterusnya menjadi kuasa besar bola sepak bukan sahaja di rantau Asia Tenggara, malah di benua Asia dan di Dunia pada satu hari nanti.

Sekian Wabillahi Taufik Wassalamualaikum WBT